

Nama: _____

Alat muzik yang digunakan dalam tarian kolattam.

Arahan: Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Tarian _____(1) merupakan antara tarian rakyat kaum _____(2) yang amat popular di Malaysia. Tarian ini dipersembahkan dalam beberapa upacara menyambut perayaan seperti _____(3), Thaipusam dan Ponggal. Mari kenali alat muzik yang mengiringi tarian kolattam.



Nama alat muzik : _____(4)

Ia merupakan alat muzik bertali empat yang digesek dengan penggesek. Alat muzik ini yang mempunyai pengaruh dari negara Barat telah digunakan sebagai salah satu alat muzik penting dalam persembahan muzik tradisional kaum India.

Nama alat muzik : _____(5)

Ia diperbuat daripada kayu nangka yang dibentuk seperti tong dan ditutupi dengan kulit haiwan pada kedua-dua bahagian tong yang terbuka. Pemain meletakkan mridangam secara selari di atas riba dan memalu permukaan yang kecil dengan tangan kanan, manakala permukaan yang besar dengan tangan kiri.





Nama alat muzik : _____(6)

Ia mempunyai leher yang panjang yang tidak berfret. Badannya diperbuat daripada kayu nangka dan berbentuk separuh bulat. Empat utas tali dipasang pada badan dan leher tambura. Semasa dimainkan, tambura diletakkan secara menegak di hadapan pemain dan talinya dipetik dengan jari.

Nama alat muzik : _____(7)

Ia mempunyai tiga bahagian, iaitu resonator, leher dan kepala. Badannya diperbuat daripada kayu, bahagian dadanya bulat dan bahagian belakangnya cembung. Veena mempunyai empat tali untuk melodi dan tiga tali untuk menghasilkan bunyi dengung. Alat muzik ini dicondongkan sedikit dari badan pemain



Nama alat muzik : _____(8)

Ia ialah sejenis seruling yang diperbuat daripada buluh. Alat muzik ini mempunyai enam atau tujuh lubang yang menghasilkan pic yang berbeza-beza apabila ditiup. Alat muzik ini menjadi salah satu alat muzik penting dalam persembahan muzik kaum India.

Nama alat muzik : _____(9)

Ia berasal dari negara Barat dan telah digunakan dalam persembahan muzik tradisional India semenjak abad ke-19. Harmonium dalam persembahan muzik kaum India bersaiz lebih kecil daripada harmonium di negara Barat.



Nama alat muzik : _____(10)

Ia ialah sepasang piring kecil yang diperbuat daripada logam gangsa yang mengeluarkan bunyi yang nyaring apabila dihantuk bersama. Manjira berfungsi mengiringi nyanyian dan juga memainkan irama dalam persembahan tarian klasik India.

Pendidikan Muzik Tahun 4